

09/11/2012 - Ucapan Sempena Majlis Penutupan Persidangan Perkhidmatan Pelajaran

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SRI KSN

SEMPENA MAJLIS PENUTUPAN

PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PELAJARAN

PADA 9 NOVEMBER 2012 (JUMAAT)

11.00 PAGI BERTEMPAT

THE ROYALE BINTANG SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Haji Awang

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berhormat Dato' Haji Mat Ali bin Hassan

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan

Ahli-ahli Suruhanjaya

Y.Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmat dan kurniaNya, kita dapat sama-sama hadir di Majlis Penutupan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan pada tengah hari ini.
2. Tahniah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran atas usaha menganjurkan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan dengan tema "Ke Arah Pemilihan dan Pengekalan Pendidik Terbaik Bagi Merealisasikan Transformasi Pendidikan – Satu Cabaran." Persidangan kali ini telah berjaya menghimpunkan semua Ketua Jabatan yang menguruskan perkhidmatan pelajaran dari seluruh negara. Antara tujuannya adalah bagi menjana pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif ke arah penambahbaikan serta transformasi dalam perkhidmatan pendidikan.
3. Saya percaya melalui perbincangan kertas-kertas kerja dan forum yang telah diadakan dalam persidangan ini, semua hadirin telah menghayati serta mendalami tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap penjawat awam yang terlibat dalam pengurusan perkhidmatan pendidikan, baik di peringkat agensi pusat, Suruhanjaya, Kementerian dan agensi serta jabatan di bawahnya. Dengan adanya perbincangan secara terbuka ini, pastinya dapat membantu merealisasikan aspirasi negara ke arah mencapai pendidikan bertaraf dunia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia sedang mengharungi persaingan daripada negara-negara lain yang menuntut kita melakukan satu anjakan besar untuk melangkah ke peringkat pembangunan seterusnya dan mencapai wawasan 2020. Cita-cita negara tidak akan tercapai hanya dengan meningkatkan infrastruktur atau menambah bilangan sumber tenaga yang murah. Anjakan baru memerlukan satu peningkatan produktiviti dan daya saing daripada warganegara melalui pembangunan modal insan yang menyeluruh. Justeru, sistem dan pengurusan pendidikan negara juga perlu mengalami anjakan ke arah pembangunan modal insan tersebut.

5. Anjakan dalam profesion perguruan telah dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang kepada pembangunan modal insan negara. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti guru dan kerjaya guru. Bagi mencapai dasar dan matlamat dasar tersebut, fokus memartabatkan profesion perguruan adalah untuk menambah baik sistem pemilihan calon guru, memantapkan latihan perguruan, memantapkan kerjaya guru dan menambah baik persekitaran kerja.
6. Dalam konteks pengambilan guru, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran memainkan peranan penting untuk melantik secara tetap calon guru yang sesuai. Di sini, Suruhanjaya hendaklah senantiasa memikirkan pendekatan untuk memantapkan kaedah temu duga dan kaedah penilaian terhadap calon guru supaya mereka yang berpotensi dilantik. Ini bermakna SPP hendaklah terus memperlopori transformasi minda, etika kerja dan kaedah penyampian perkhidmatan bagi mendokong program *Transformasi Kerajaan dan Gagasan 1Malaysia. Rakyat Dahulukan, Pencapaian Diutamakan*’.
7. Bagi menjayakan setiap urusan pengambilan, kitaran perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian hendaklah disusun dan ditambah nilai. Ini sememangnya memerlukan tindakan Suruhanjaya yang berteraskan kreativiti, produktiviti dan inovasi (CPI) secara cepat, tepat dan berintegriti (CTI). Saya mengambil maklum bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran telah mengambil inisiatif memulakan permohonan Anggota Perkhidmatan Pelajaran secara online sejak tahun 2008. SPP juga telah berkecimpung dalam inisiatif dalam urusan pengambilan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi melalui Portal Jobsmalaysia mulai tahun 2008 dan mengendalikan urusan temu duga secara berkumpulan sejak tahun 2010. Saya juga menghargai inisiatif baru Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk memperkenalkan lantikan secara terus guru-guru pelatih yang berprestasi cemerlang dalam akademik dan ikhtisas tanpa proses temu duga untuk menarik pelajar cemerlang menjadi guru. Sehubungan itu, saya difahamkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran turut terlibat dalam pemilihan awal calon-calon guru pelatih yang berprestasi cemerlang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Walau apa jua kriteria dan kaedah temu duga terbaik digunakan, kadar tirsan Anggota Perkhidmatan Pelajaran sememangnya wujud. Ini adalah kerana sebagai manusia biasa, Anggota Perkhidmatan Pelajaran juga menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam kerjaya dan persekitaran hidup mereka. Oleh yang demikian, usaha untuk mengekalkan pendidik yang berkualiti, malah usaha meningkatkan kualiti hendaklah diteruskan. Sementara mekanisme untuk mengeluarkan mereka yang gagal dalam menyampaikan perkhidmatan mereka perlu dimantapkan.

9. Pun begitu, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, tidak boleh bertindak bersendirian. Tindakan tatatertib perlu diambil segera oleh ketua-ketua jabatan di semua peringkat. Sekiranya mereka yang melanggar tatatertib seperti tidak hadir bertugas, melanggar peraturan atau berpretasi amat rendah tidak diambil tindakan sudah pasti ia boleh mengganggu motivasi kerja mereka, yang berkhidmat dengan baik. Kecemerlangan anggota bukan sahaja ditentukan oleh inisiatif dan pengiktirafan yang diberi, malah juga oleh tindakan-tindakan disiplin yang diambil ke atas mereka yang mencemar nama baik Perkhidmatan Awam. Justeru itu, saya menyeru supaya Ketua-ketua Jabatan mengambil tindakan tatatertib kepada ketua yang tidak mengambil tindakan ke atas mereka yang melanggar peraturan-peraturan tatatertib.

10. Selaku Pihak Berkuasa Melantik, Pihak Berkuasa Yang Mengesahkan Dalam Perkhidmatan dan Pihak Yang Melaksanakan Dasar Pemisahan Anggota Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran telah diberikan budi bicara dalam melaksanakan fungsinya. Secara kolektifnya, dengan mekanisme-mekanisme lain dalam perkhidmatan awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran membantu kerajaan dalam membentuk hala tuju perkhidmatan awam. Bolehlah saya katakan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran merupakan '*the custodians in recruitment, and the retention of the aspiring public servant*'. Sekiranya pengambilan dan pengekalannya Anggota Perkhidmatan Pelajaran dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan, maka Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dapat membantu kerajaan dalam melaksanakan Program Transformasi Negara bagi memperkukuhkan pembangunan profesional perkhidmatan awam. Dengan terlaksananya pengambilan dan pengekalannya guru yang berkualiti, maka dengan sendirinya kualiti sistem pendidikan turut meningkat.

11. Namun begitu, tidak kurang penting juga guru yang dilantik diberi tugas yang sesuai. Guru-guru terutamanya di sekolah menengah hendaklah ditempatkan mengikut opsyen. Kita boleh fikirkan apakah *outcomenya* sekiranya guru Bahasa Cina atau Bahasa Tamil mengajar Bahasa Melayu, Guru Matematik mengajar Sejarah dan sebagainya. Ia bukan sahaja merugikan perbelanjaan dan masa untuk latihan tetapi juga menggagalkan keberhasilan dan motivasi guru.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Daripada rumusan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2012 ini, saya mendapati bahawa persidangan telah mencapai objektifnya, iaitu sebagai wahana dalam memperhalusi kaedah-kaedah terbaik bagi pengambilan bakat terbaik. Ini boleh dilakukan melalui pasaran terbuka selaras dengan perancangan yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Ini seterusnya dapat memantapkan lagi dasar mengenai tindakan pencegahan dan tatatertib tanpa mengetepikan unsur humanistik dan prinsip keadilan.

13. Saya percaya bahawa input dan rumusan daripada Persidangan Perkhidmatan Pendidikan ini akan diketengahkan kepada Kerajaan bagi menambahbaik dasar sedia ada. Saya percaya dan yakin bahawa inti pati hasil Persidangan Perkhidmatan Pelajaran ini akan dimajukan kepada pihak kerajaan dalam masa yang terdekat bagi membantu dalam memperlengkapkan Laporan Akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Negara.

14. Saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada SPP dan kepada semua peserta persidangan. Saya berharap persidangan seperti ini dapat diteruskan di masa hadapan bagi memastikan kualiti perkhidmatan pendidikan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

15. Akhir kata, dengan lafaz, Bismillahir rahmannir rahim, saya dengan rasminya menutup Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2012.

Sekian.

Wabillahittaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.